

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

LAPORAN PROGRAM “CAREER GEAR UP”

Mohd Faizal Mohd Ramsi, Sufy Rabea Adawiya Idris & Nasrullah Zainal Abidin

Pengajian Sains Maklumat

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik & Unit Kerjaya dan Kaunseling

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,

Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Alam pekerjaan merupakan fasa penting dalam kehidupan seorang graduan selepas tamat pengajian. Ia bukan sahaja menjadi platform untuk mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari, tetapi juga ruang untuk membina kerjaya serta mencapai kestabilan hidup. Namun, persaingan yang sengit dalam pasaran kerja masa kini memerlukan graduan untuk bersiap sedia dengan pelbagai aspek, termasuk kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Tanpa persediaan yang kukuh, graduan mungkin menghadapi cabaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai atau mengekalkan kedudukan dalam sektor pilihan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi graduan untuk memahami keperluan pasaran kerja serta mempersiapkan diri dengan kompetensi yang relevan bagi memastikan kelangsungan mereka dalam dunia pekerjaan.

Menyedari kepentingan ini, Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Kampus Rembau dengan kerjasama PERKESO Negeri Sembilan dan Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik UiTM Kampus Rembau telah mengadakan satu program “Career Gear Up” bagi pelajar semester akhir dengan objektif utama adalah meningkatkan kemahiran insaniah graduan dalam menghadapi dunia pekerjaan. Program ini telah berlangsung pada 8 Jun 2024 bertempat di Dewan Kuliah 100 (DK100), UiTM Kampus Rembau dengan penyertaan seramai 59 orang pelajar. Antara lain tujuan utama program ini diadakan adalah membantu peserta meningkatkan keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan dan memberi latihan-tubi kepada peserta secara intensif berkaitan kemahiran pencarian kerja.



Gambar 1: Penceramah memperkenalkan modul Career Gear Up kepada peserta



Gambar 2: Penceramah menerangkan tips komunikasi efektif

Pelbagai aktiviti dan tugas telah diadakan bagi mengisi program yang bermula dari pukul 8.30 pagi sehingga 5 petang ini seperti tips persediaan menghadapi temu duga kerja, tips pencarian kerja menggunakan portal carian kerja dan tips penulisan resume dan curriculum vitae (CV). Tips penulisan resume yang dikendalikan oleh seorang perunding kerjaya telah memberikan pendedahan kepada peserta tentang teknik menghasilkan resume yang profesional dan menarik perhatian majikan. Para pelajar dapat mengetahui teknik-teknik penulisan resume yang berkesan mengikut format Applicant Tracking System (ATS). Ini adalah penting kerana resume yang mengikut format ATS dapat meningkatkan lagi peluang untuk mendapatkan kerja. Seterusnya, tips dan simulasi menjalani temu duga telah diadakan secara praktikal untuk memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman temu duga sebenar. Panel penilai yang terdiri daripada wakil PERKESO turut memberikan maklum balas membina kepada peserta.

Penyampaian penceramah yang mudah difahami dan interaksi bersama pelajar membantu meningkatkan keterlibatan peserta di dalam sesi perkongsian. Secara tidak langsung dapat menarik minat peserta untuk mendengar dalam memahami topik yang dibincangkan.

Dari segi pencapaian pula, program ini telah memberi impak yang signifikan kepada peserta. Hampir 77% peserta sangat berpuas hati dengan program bimbingan berkaitan persediaan ke alam pekerjaan yang telah diadakan, manakala baki 23% menyatakan berpuas hati dengan program ini. Majoriti 100% peserta mengakui bahawa program ini membantu meningkatkan kebolehpasaran diri mereka sebagai graduan UiTM dan 100% juga bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan program ini secara keseluruhannya. Jadi, apa yang dapat disimpulkan di sini, program ini dapat membantu para pelajar untuk meningkatkan nilai tambah dan pengetahuan berkenaan kerjaya dalam diri mereka. Secara tidak langsung, program ini dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk memasuki alam pekerjaan.



Gambar 3: Peserta yang hadir bersama penceramah

Secara keseluruhan, program Career Gear Up ini telah mencapai objektifnya dalam membantu pelajar bersiap sedia menghadapi dunia pekerjaan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan penglibatan lebih banyak pihak industri bagi memberikan pengalaman dan pendedahan yang lebih luas kepada pelajar. Langkah ini penting untuk memastikan graduan universiti terus relevan dan kompetitif dalam pasaran kerja global.